

## Dosa-dosa Besar

Daripada Abi Bakrah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا أُنبئُكُمْ بِأكْبَرِ الكِبَائِرِ (ثَلَاثًا) قالوا: بلى يَا رَسُولَ الله، قال: الإِشْرَاكُ باللهِ، وَعُقُوقُ الوَالِدَيْنِ. وَجَلَسَ، وَكَانَ مُتَكِنًا فَقَالَ: أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ. قال: فَمَا زَالَ يُكْرِرُهَا حَتَّى قُلْنَا: لَيْتَهُ سَكَتَ.

**Maksudnya:** "Adakah kamu mahu aku ceritakan dengan dosa yang paling besar (sebanyak tiga kali). Mereka menjawab: Bahkan ya Rasulullah. Sabda Rasulullah SAW: Syirik dengan Allah, dan derhaka kedua ibu bapa. Nabi duduk dalam keadaan menyandar, kemudian bersabda: Ketahuilah ucapan dusta (penyaksian). Katanya: Maka sentiasalah Rasulullah mengulang-ngulangnya hingga kami berkata: Alangkah baiknya dia diam."

Hadis *muttafaq alaih*, (1/17) (اللؤلؤ والمرجان). Riwayat al-Bukhari (5/261) no. (2654) dalam kitab *al-Syahadat*. Muslim (1/91) no. (87) dalam kitab *al-Iman*.

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Dalam hadis ini dinyatakan berkenaan dengan dosa-dosa besar. Ulama mendefinisikan dosa besar ialah dosa yang dilakukan di mana balasannya adalah neraka atau disebut dengan perkataan laknat kepada pelakunya. Ulama juga menyebut dosa besar sebanyak tujuh dan ada yang menyatakan hingga tujuh ratus.

2. Imam al-Zahabi melalui kitabnya *al-Kabair* menyebut lebih daripada tujuh puluh dosa besar, sedangkan Imam Ibn Hajar al-Haithami dalam *al-Zawajir* menyebut begitu banyak dosa besar. Di sini disebut tiga dosa besar:
  - i. Syirik dengan Allah.
  - ii. Derhaka kepada kedua ibu bapa.
  - iii. Penyaksian yang dusta.
  
3. Antara dorongan yang membawa kepada syirik dalam beribadah ialah:
  - Menganut kepercayaan yang salah terhadap Allah dan mempercayai tuhan itu berbilang-bilang. Mereka percaya bahawa tuhan itu tiga atau terdiri daripada tiga bahagian atau *uknum*, dengan kepercayaan itu memastikan mereka menyembah kepada lebih daripada satu tuhan.
  - Dorongan yang kedua ialah kerana mereka menyangka bahawa tuhan jauh daripada mereka dan beranggapan bahawa mereka perlu kepada perantaraan untuk menyampaikan segala pengaduan dan permohonan mereka kepada Allah atau kerana mereka berkeyakinan bahawa mereka tidak layak berhadapan dengan Allah secara langsung kerana mereka hina dan kotor. Kerana itu, mereka mengambil orang yang soleh sebagai perantaraan.
  - Hati yang tidak ikhlas dan tidak jujur yang dipenuhi dengan sifat-sifat kotor. Apabila tidak ikhlas, ia melakukan ibadat bukan kepada Allah, tetapi kerana hendak dipuji oleh manusia atau hendak menipu manusia kononnya ia seorang yang baik dan patuh kepada Allah. Orang munafik mengerjakan ibadat untuk melindungi diri daripada ketahui oleh orang Islam. Kerana itu mereka bukan menyembah Allah, tetapi menyembah orang Islam dan mereka menunjuk ibadat yang mereka lakukan itu. Inilah seburuk-buruk syirik kerana ia memendam perasaan dengki dan niat jahat kepada orang diibadatkan di samping Allah itu.
  - Kecenderungan kebendaan dalam berfikir menyebabkan sesuatu itu difahami secara kebendaan dan ditanggapi menerusi pancaindera. Fitrah manusia mempunyai perasaan takut dan mengharap serta perasaan tunduk kepada kuasa tertinggi di samping itu, pemikiran kebendaan yang terdapat di dalam cara berfikir musyrikin itu menyebabkannya berusaha menjelmakan perasaan dan keinginan semula jadinya itu ke dalam bentuk kebendaan yang dapat ditanggapi dengan pancainderanya. Dalam masyarakat primitif, manusia seringkali kalah dalam menghadapi bencana alam seperti ribut, petir dan sebagainya. Masyarakat ini melihat alam mempunyai kuasa yang besar dan

tidak dapat ditentang. Kuasa itu lebih besar daripada kuasa dan keupayaan manusia. Mereka menggambarkan bahawa kuasa itulah kuasa yang tinggi. Mereka merasakan ombak laut itu sebagai kuasa ghaib yang berada di laut itu dan untuk mendapat belas kasihan, mereka mula melakukan upacara untuk mendapatkan belas kasihan daripada penjaga laut itu.

4. Sebahagian orang suka bersaksi palsu, barangkali untuk menolong saudara sendiri atau untuk membantu kawan atau sebagainya demi ingin melahirkan tanda solidariti, sehingga perkara yang benar dapat diputar-belitkan.
5. Manakala yang lain pula, memang menunggu peluang untuk menunjuk kepintaran, khususnya para ahli undang-undang, yang tahu dari hal liku-liku kelemahan hujah untuk melarikan kebenaran dari landasan hakikatnya.
6. Perbuatan ini tentu sekali berdosa besar dan sangat dikecam oleh syariat Islam, yang memang menjulangkan kebenaran itu. maka hendaklah setiap muslim berwaspada dalam perkara ini, supaya tidak tergelincir ke dalam dosa yang berat ini.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Hiduplah bersama al-Quran, sama ada dengan cara menghafaz, membaca, mendengarkan atau merenungkannya. Sebab ini merupakan ubat paling mujarab untuk mengusir kesedihan dan keduakaan.
- ❖ **Pujangga berkata:** Perbanyakkanlah membaca istighfar, kerana dengan beristighfar akan ada rezeki, akan ada jalan keluar, akan ada keluarga, akan ada ilmu yang berguna, akan ada kemudahan dan akan ada penghapusan dosa.

### Kisah Teladan

Menurut riwayat sebahagian ulama salaf di masa lampau, bahawa ada seorang lelaki telah menziarahi saudara perempuannya yang meninggal dunia. Semasa mengembumikan jenazah wanita itu, tiba-tiba dompetnya yang berisi wang telah

terjatuh ke dalam kubur saudaranya tanpa diketahui seorang pun hingga dia pulang ke rumahnya.

Apabila dia teringat akan dompet itu, dia kembali semula ke perkuburan dan menggali semula kubur tersebut. Maka alangkah terperanjatnya apabila kubur itu memancarkan api yang menyala-nyala, maka segeralah ditimbusnya semula kubur itu dengan tanah.

Dengan takjub dan menyesal, lalu dia kembali ke rumahnya menemui ibunya sambil menangis teresak-esak dan mengatakan: *"Oh ibuku! Ceritakanlah padaku dari hal saudara perempuanku ini, apa amalan yang telah dikerjakannya selama ini?"* Si ibu itu merasa terperanjat dan bertanya: *"Kenapa engkau bertanya demikian?"* Katanya pula: *"Saya lihat kuburnya keluar api!"*

Mendengar cerita itu, lalu ibunya menangis dan berkata: *"Hai anakku! Saudara perempuanmu itu tidak berbuat apa-apa, selain dia suka meremehkan waktu solat dari waktu yang sebenarnya."*

Itulah akibatnya orang yang suka melewatkan solat hingga keluar dari waktunya. Kalau hanya melewatkan solat saja sudah tentu boleh berlaku begini, maka bagaimana pula halnya jika orang itu tidak mendirikan solat langsung?

Kita memohon kepada Allah SWT, moga-moga Dia dapat memberikan kita taufik untuk menjaga solat kita serta dapat mengerjakannya tepat pada waktunya, dan sesungguhnya Allah itu Maha Pemurah lagi Maha Mulia.